

قَتِيقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"MASJID adalah wadah tarbiah dan dakwah. Ia perlu cergas dan berkesan. Istilah 'takmir masjid' adalah untuk kita melihatnya sebagai fokus masyarakat bagi melakukan ibadat, dan juga sebagai tempat untuk mendapatkan bimbingan-bimbingan keagamaan."

- Titah Sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1431.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN alangkah ngerinya kalau engkau wahai Nabi Muhammad melihat orang-orang yang berdosa itu menundukkan kepala mereka di hadapan Tuhan mereka sambil merayu-rayu : Ya Tuhan kami! Kami telah melihat dan mendengar maka kembalikanlah kami (ke dunia) supaya kami mengerjakan amalan soleh, sesungguhnya kami sekarang telah yakin."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah As Sajdah ayat 12).

TAHUN 61 / BILANGAN 45

13 APRIL 2016 / 1437 رجب 5

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Komander Armada Pasifik Amerika Syarikat, Admiral Scott Swift yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto: Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Komander Armada Pasifik Amerika Syarikat, Admiral Scott Swift yang sedang dalam rangka lawatan ke negara ini.

Menyertai bersama Komander Armada Pasifik

Amerika Syarikat pada Majlis Mengadap itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Craig Boyd Allen.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit; Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah serta Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Juanda bin Haji A. Rashid dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Datin Paduka Dayang Hajah Suriyah binti Haji Umar.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Negara kehilangan tokoh berwibawa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (Lihat muka 2).

Ceroboh tanah kerajaan satu kesalahan

Siaran Akhbar : Jabatan Tanah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Kebelakangan ini, cuaca kemarau dan kering yang berterusan telah menyebabkan kebakaran hutan gambut di beberapa kawasan tanah kerajaan di Daerah Belait terutama di kawasan sepanjang Lumut Bypass, Seria Bypass, Mumong Bypass, Lebuhraya Tutong dan Brunei Muara.

Akibat kejadian kebakaran hutan gambut dan semak belukar di kawasan-kawasan tanah kerajaan berkenaan, ia menjadi tarikan kepada pihak-pihak tertentu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian secara haram.

Di sesetengah kawasan, aktiviti-aktiviti yang tidak mendapat kebenaran ini telah mula berkembang dengan cepatnya.

Schubungan itu, Jabatan Tanah dengan ini mengingatkan kepada orang ramai bahawa pencerobohan

tanah kerajaan adalah menjadi satu kesalahan di bawah Bab 32 Kanun Tanah Penggal 40.

Mana-mana individu yang didapati menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut tanpa kebenaran, jika sabit kesalahan boleh dikenakan tindakan denda BND2,000 untuk kesalahan pertama; BND3,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya atau penjara selama satu tahun atau kedua-duanya.

Majistret boleh mengeluarkan waran untuk mana-mana Pegawai Polis yang menghendaki untuk menghalau dan mengeluarkan orang itu dari tanah kerajaan berkenaan.

Di samping itu, mana-mana orang atau sesiapa sahaja yang bersubahat dengan penceroboh tanah kerajaan berkenaan juga jika sabit kesalahan akan menerima hukuman atau denda yang sama seperti di atas.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi Undang-undang Tanah berkenaan. Pegawai-pegawai Jabatan Tanah dan pegawai-pegawai dari agensi-agensi kerajaan yang berkaitan akan terus memantau perkembangan di kawasan-kawasan yang terlibat.



Muka 5

PUSAT Ehsan terima sumbangan
BND1,058.50



Muka 6

BIBD terima Anugerah
Juara Pembangunan Bakat
Kewangan Islam

E-mel: pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline: 2382891 / 2383400 Smb: 217

Faksimile: 2381004

Layari Laman Web: www.pelitabrunei.gov.bn

Negara kehilangan tokoh berwibawa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah bagi Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,
Pengiran Amirulnizam Pengiran Hj Mohd. Ali

TUTONG, Isnin, 11 April. - Negara kehilangan seorang tokoh berwibawa yang telah banyak menabur jasa, iaitu Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang telah kembali ke rahmatullah pada 3 Rejab 1437 Hijrah bersamaan hari Isnin 11 April 2016 Masihi, jam 9.37 pagi ketika berusia 92 tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia di kediaman Allahyarham bertempat di Teratak Yura, Kampung Sengkarai, Tutong.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Allahyarham Yang Amat Mulia dilahirkan di Kampung Kandang Sengkarai, Tutong pada tanggal 2 Mei 1923 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Bukit

Bendera, Tutong.

Selepas itu, Allahyarham Yang Amat Mulia memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak; dan seterusnya melanjutkan pelajaran di Hiroshima University, Hiroshima, Jepun dan South Devon Technical College, Devonshire, England.

Semasa hayatnya, Allahyarham Yang Amat Mulia pernah bertugas sebagai Guru Pelatih; Penolong Guru Besar; Penolong Pegawai Penerangan; Pegawai Penerangan; Timbalan Setiausaha Kerajaan; Setiausaha Kerajaan; Menteri Besar dan menjadi Duta Besar Kerajaan Brunei ke Malaysia dan Jepun.

Selain itu, Allahyarham Yang Amat Mulia juga menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Diraja, Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat Diraja dan Ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Allahyarham Yang Amat Mulia diangkat menjadi 'Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara' pada 12 Januari 1968 dan dinaikkan pangkat gelaran menjadi 'Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara' pada 16 Mei 1968.

Beberapa Bintang-bintang Kebesaran dan Pingat-pingat Kehormatan yang dikurniakan kepada Allahyarham Yang Amat Mulia

termasuk D.K (Laila Utama) pada tahun 1968; S.P.M.B pada September 1963; D.S.N.D pada September 1960; S.M.B pada September 1958; Order of the Raising Sun pada tahun 1984; C.B.E pada tahun 1968; P.O.A.S pada tahun 1961; P.H.B.S pada tahun 1970; P.B.L.I. pada 16 Febuari 2008; P.J.K pada tahun 1959; P.K.L pada tahun 1959; Pingat Perjuangan pada tahun 1963 dan Pingat Pusa pada tahun 1968.

Manakala, anugerah-anugerah yang diterima oleh Allahyarham Yang Amat Mulia termasuk Ijazah 'Doktor Kehormat' daripada International Academic Vancouver, Canada pada tahun 1960; ASEAN Award pada tahun 1987; Ijazah 'Doktor Kehormat' daripada Universiti Brunei Darussalam pada tahun 1996; 'Pemimpin Belia Berjasa' (MBB) pada 1 Ogos 2006; Tokoh 'Jasawan Ugama Negara Brunei Darussalam' pada 28 Disember 2008 (1430) dan Doktor Kehormat daripada USI pada tahun 2002.

Semasa hayatnya juga, Allahyarham Yang Amat Mulia turut memerhatikan keadaan taat setia rakyat dan penduduk negara kepada sultan dan membuat kaji selidik hal ehwal mengenai masalah yang terkandung di dalamnya untuk disembah maklumkan kepada sultan.

Allahyarham Yang Amat Mulia juga aktif dalam bidang penulisan seperti sajak, rencana dan menulis buku seperti Adat Istiadat Diraja, Sejarah Brunei dan sebagainya.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Orang-orang Islam Kampung Sengkarai, Tutong.

Dari Sidang Pengarang.

13 APRIL 2016 BERSAMAAN 1437 رجب 5

PENGAWALAN KESELAMATAN KEBAKARAN

PADA tahun 2015 sebanyak 116 kes kebakaran bangunan dan rumah dilaporkan daripada 5,066 kes kecemasan yang ditangani oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP). Kes kebakaran bangunan dan rumah ini telah mengakibatkan kerugian harta benda bernilai kira-kira BND11.5 juta.

Sehubungan itu, dalam usaha untuk menangani kejadian kebakaran dan pencegahan kebakaran, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memperkenankan Perintah Keselamatan Kebakaran 2016 (Fire Safety Order 2016) yang telah diwartakan.

Perkara tersebut telah dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng semasa berucap pada Upacara Perbarisan Kawalan Kehormatan Sempena Sambutan Ulang Tahun JBP Ke-56 Tahun yang berlangsung di Padang Kawad, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama, Berakas baru-baru ini.

Jelas Yang Berhormat, perintah berkenaan menyediakan peruntukan berhubung dengan keselamatan kebakaran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya atau yang bersampingan dengannya.

Perintah tersebut juga bertujuan bagi mengawal dari beberapa sudut keselamatan kebakaran untuk orang ramai dan bangunan-bangunan serta premis perniagaan.

Di samping itu, penguatkuasaan keselamatan kebakaran bagi peniaga-peniaga / pengurus-pengurus kedai akan lebih terjamin dengan adanya Perintah Keselamatan Kebakaran 2016 itu dengan memastikan segala peralatan pemadaman kebakaran dalam sesebuah premis perniagaan atau rumah tempat tinggal tersedia dan dalam keadaan selamat.

Pada sambutan itu juga, Yang Berhormat menekankan bahawa amat mustahak bagi orang ramai mematuhi peraturan-peraturan yang berkuat kuasa sedikit masa lagi.

Dalam masa yang sama tambah Yang Berhormat, adalah juga mustahak untuk memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan rumah-rumah persendirian untuk dijadikan tempat tinggal pekerja asing ataupun dijadikan tempat premis perniagaan tanpa kebenaran dari agensi-agensi yang berkuasa.

Sementara itu, program-program awam dalam usaha untuk memberikan kefahaman dan kesedaran kepada orang ramai mengenai kebakaran dan keselamatan juga sedang giat dikendalikan oleh JBP seperti memperluaskan kempen kesedaran awam dalam keselamatan kebakaran, mengadakan latihan pengosongan bangunan dan latihan kebakaran di premis awam, mengadakan program 'Fire Marshal' dan seminar dalam pengurusan keselamatan kebakaran.

Di samping itu, program seumpama ini juga telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan setentunya ia akan mendatangkan hasil dalam mencapai matlamat bagi mengurangkan kadar kebakaran di negara ini. Program tersebut dapat dipergiatkan lagi dan meliputi segenap lapisan masyarakat di negara ini, sejajar dengan visi jabatan, iaitu 'Bekerjasama Dengan Masyarakat Bagi Melindungi Apa Yang Mereka Hargai'.

Sejak penubuhannya 56 tahun lalu hingga ke hari ini, JBP telah menjalankan tugas dengan penuh komited selaras dengan misi jabatan tersebut, iaitu 'Mengurangkan Kadar Kejadian Akibat Kebakaran dan Bertindak Dengan Cara Profesional Bagi Menangani Apa-apa Jua Jenis Panggilan Kecemasan'.

Oleh yang demikian, semoga anggota JBP terus meningkatkan kewaspadaan mereka dalam menjalankan tugas yang serba mencabar ini dan sentiasa bersedia menangani keadaan konflik yang tidak menentu serta sukar diramal ini. Kepada semua warga JBP diucapkan selamat menyambut Ulang Tahun JBP Ke-56 Tahun. - **Ketua Penyuntingan (Rd).**

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN 32° C 26° C	32° C 26° C	32° C 26° C
MUARA 32° C 26° C	32° C 26° C	33° C 26° C
PEKAN BANGAR 32° C 25° C	32° C 26° C	32° C 26° C
PEKAN TUTONG 32° C 25° C	32° C 26° C	32° C 26° C
PEKAN SERIA 32° C 25° C	32° C 26° C	32° C 26° C
KUALA BELAIT 32° C 25° C	32° C 26° C	32° C 26° C

Wallahualam Bissawab
Sumber: JABATAN KAJI CUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
Telefon: 2345567 Talian Cukai: 114

وقت سمبھيغ داعيرد بروني موارا دان تمبوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي									
وقت سمبھيغ ، امساك ، شوروق دان ضحي بائي داعيرد بروني موارا دري هاري سبتو 13 افريل 2016 برسماعن دغن 5 رجب 1437 هيفت كبري جمعة 17 افريل 2016 برسماعن 9 رجب 1437 ادائه سقرت دباوه ابن:									
عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	هجريه رجب	هاري
7.37	6.27	3.30	12.22	6.37	6.14	4.56	4.46	5	رابو
7.37	6.27	3.30	12.22	6.36	6.14	4.56	4.46	6	خميس
7.37	6.27	3.31	12.21	6.36	6.14	4.55	4.45	7	جمعة
7.37	6.27	3.31	12.21	6.36	6.13	4.55	4.45	8	سبتو
7.37	6.27	3.31	12.21	6.35	6.13	4.54	4.44	9	احد
7.37	6.27	3.32	12.21	6.35	6.12	4.54	4.44	10	اثنين
7.37	6.27	3.32	12.20	6.35	6.12	4.53	4.43	11	ثلاث

وقت ٢ سمبھيغ بائي داعيرد توتوغ دتميه ساتو مينيت دان داعيرد بلايت دتميه نيك مينيت دان سمبھيغ فرض جمعة دسورود تقرارا بروني دارالاسلام
دمولاعي دري قوكون 12.45 تغه هاري

AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123	NDMC 2380214
-----------------	--------------	--------------	-------------------	--	-----------------

Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Komander Armada Pasifik Amerika Syarikat, Puan Patricia Swift (kiri), sementara gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima mengadap isteri Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Supinya Suwanpradhes.

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran

Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Komander Armada Pasifik Amerika Syarikat, Puan Patricia Swift. Menyertai isteri Komander Armada Pasifik

Amerika Syarikat pada Majlis Mengadap tersebut ialah isteri Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Micheline R. Tusenius.

Hadir sama pada Majlis Mengadap tersebut ialah isteri Yang Mulia Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Datin Hajah Rasidah binti Haji Ibrahim.

Sejurus selepas itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga turut menerima mengadap secara berasingan isteri Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam, Puan Supinya Suwanpradhes.

Majlis Mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berkenan menerima mengadap dua perwakilan asing



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman (kiri) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand, Tuan Yang Terutama Biravij Suwanpradhes (kanan).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia dan Duta Besar Istimewa dan

Mutlak Thailand yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.

Tuan Yang Terutama pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Tetap Kementerian

Pembangunan Luar Bandar, Sabah.

TYT Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman telah menyerahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 Jamadilakhir 1437 bersamaan 23 Mac 2016.

DYTM seterusnya berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand, Tuan Yang Terutama

Biravij Suwanpradhes.

Tuan Yang Terutama sebelum ini berkhidmat sebagai duta bertugas di Kementerian Luar Negeri Thailand.

TYT Biravij Suwanpradhes telah menyerahkan Surat Tauliah Pelantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 14 Jamadilakhir 1437 bersamaan 23 Mac 2016.

BSDC lahirkan generasi berwawasan berinovasi

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 April. - Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar berkata, Brunei Solutions Development Centre (BSDC) berjaya melahirkan dan membina kepakaran serta kemahiran anak tempatan dalam penyediaan aplikasi perisian buatan Brunei (*made in Brunei*).

Sejak ditubuhkan pada tahun 2013, pusat tersebut berjaya melahirkan 11 orang peserta yang mendapat persijilan Microsoft Certified Solution Developer.

Menurutnya, kejayaan para peserta program tersebut menjadi pencapaian penting kepada negara.

Ia menggambarkan semangat yang

tinggi para peserta untuk menyahut seruan negara melahirkan generasi berwawasan dan berinovasi.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut sejurus menyampaikan sijil kepada para peserta BSDC Capability and Mentoring Program (CAMP) yang berlangsung di Rekabentuk dan Teknologi, Taman Teknologi, Anggerek Desa, di sini.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Tetap IT, E-Kerajaan dan Perindustrian di JPM, Awang Muhammad Norshafie bin Dato Paduka Haji Abdul Jalil, dalam ucapannya antara lain menjelaskan enam daripada lapan orang peserta yang mengikuti BSDC CAMP berjaya membuka perusahaan IT mereka sendiri.


Kejayaan mereka itu jelasnya, menjadi contoh kepada para belia yang

berminat untuk menjadi pengusaha selaras dengan usaha kerajaan dalam mempelbagaikan ekonomi negara selain minyak dan gas.

Seramai lapan peserta BSDC CAMP menerima sijil mereka dan peserta yang berjaya menubuhkan syarikat mereka sendiri juga dilantik menjadi rakan BSDC.

BSDC telah mengendalikan latihan bagi mempersiapkan tenaga kerja mahir dalam eko-sistem IT di negara ini dan membantu para graduan mewujudkan perusahaan mereka sendiri serta memperolehi kepakaran daripada Konsultan Syarikat Microsoft.

MENTERI Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar menyampaikan sijil kepada graduan daripada TITASYS Technologies yang menamatkan program mereka bersama BSDC.



MENTERI Tenaga (Energy) dan Perindustrian di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bergambar ramai bersama graduan BSDC CAMP yang telah menamatkan program mereka.

Perintah Ketidaksolvenan dikuatkuasakan 1 Mac

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 April. - Kementerian Kewangan dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pengenalan satu rang undang-undang yang dipanggil Perintah Ketidaksolvenan (Insolvency Order), 2016 yang mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2016.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kewangan, perintah yang baru diperkenalkan itu mengandungi peruntukan-peruntukan penggulungan berhubung ketidaksolvenan korporat yang terdapat di dalam Akta Syarikat (Penggagal 39).

Perintah tersebut bertujuan untuk memberikan penekanan yang lebih terhadap penstrukturan semula dan pemulihan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan operasi bagi tempoh sementara.

Antara ciri-ciri baharu di dalam Perintah berkenaan adalah berhubung dengan *company voluntary arrangement* yang membolehkan sesebuah syarikat berunding dengan pihak pemiutang (*creditors*) bagi penstrukturan semula (*restructuring*) hutang piutang atau penyusunan semula syarikat.

Bagi melengkapkan peruntukan itu, dalam penggulungan sesebuah syarikat, pembayaran hutang juga akan disenaraikan mengikut keutamaan daripada semua hutang tidak bercagar (*unsecured debts*).

Maklumat lanjut mengenai Perintah Ketidaksolvenan, 2016 boleh didapati di www.mof.gov.bn atau www.business.gov.bn.

Salinan Perintah tersebut boleh diperolehi di Jabatan Percetakan Kerajaan atau dengan memuat turun dari laman sesawang Pejabat Peguam Negara di alamat www.agc.gov.bn.

Qari Brunei sertai Hafazan 30 Juzu' Al-Quran di Kuwait

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 April. - Negara Brunei Darussalam menghantar seorang peserta qari untuk menyertai Musabaqah, Hafazan dan Tajwid Al-Quran Kali Ke-7 (7th Kuwait International Prize for Memorizing, Recitation and Tajweed of the Holy Quran) yang berlangsung di Kuwait pada 13 April 2016.

Peserta Negara Brunei Darussalam ke pertandingan tersebut diwakili oleh Awang Mohammad Aizat bin Haji Ahmad dan telah berlepas meninggalkan negara ini semalam dengan diiringi oleh Awang Mohammad Aliman bin Haji Salim selaku Pengurus rombongan. Mereka akan berada di Kuwait selama lapan hari dan dijangka kembali pada 21 April depan.

Tahun ini merupakan penyertaan negara kali ke-7 yang diundang untuk menyertai musabaqah berkenaan.

Pada musabaqah itu nanti, peserta negara yang merupakan tenaga pengajar di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) akan menyertai Kategori Menghafaz 30 juzu' Al-Quran.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Ketua Bahagian Kemajuan Syiar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Idris bin Haji Aji; Pemangku Pengetua ITQSHHB, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali serta para pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.



PESERTA negara, Awang Mohammad Aizat bin Haji Ahmad (kiri) sebelum berlepas meninggalkan negara bersama Pengurus rombongan, Awang Mohammad Aliman bin Haji Salim.

Pusat Ehsan terima sumbangan BND1,058.50

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan menyerahkan Hasil Kutipan Acara 'The Silver Run' sempena Sambutan Hari Guru Ke-25 Tahun 2015 kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Hasil kutipan yang berjumlah sebanyak BND1,058.50 itu diserahkan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Roslin bin Suhailee kepada Pemegang

Amanah Pendidikan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dato Paduka Dr. Haji Omar bin Khalid.

Jumlah tersebut merupakan hasil kutipan sebanyak sepuluh peratus dari 'The Silver Run' yang telah diadakan pada 31 Januari lalu bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Hasil sumbangan yang diberikan ini akan dapat membantu pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah

Maryam merupakan sebuah badan amal bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan yang menyediakan pembelajaran khas, latihan, pemeduliaan dan perkhidmatan pemulihan anggota badan kepada insan-insan istimewa (kurang upaya atau berkeperluan khas) di Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini seramai 163 penuntut istimewa berdaftar di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Bengkurong dan 53 lagi di cawangan Pusat Ehsan di Kuala Belait.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam sentiasa mengalu-alukan syarikat-syarikat persendirian dan orang ramai untuk menyumbangkan sebarang derma ke pusat berkenaan.



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Roslin bin Suhailee (kanan) menyerahkan sumbangan kepada Pemegang Amanah Pendidikan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dato Paduka Dr. Haji Omar bin Khalid.

Didik penuntut miliki akhlak Islam terpuji

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Lebih 26 peserta daripada Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa, Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri, Sekolah Menengah Sufri

Bolikah, Tutong, Maktab Anthony Abell, Sekolah Menengah Masin dan Sekolah Menengah Berakas (persendirian) Tahun 7 hingga Tahun 9 telah mengikuti Kursus Nadwah Kemurnian Rohani bagi penuntut

perempuan selama tiga hari bermula hari ini hingga 14 April 2016.

Kursus yang dianjurkan oleh Unit Kaunseling dengan kerjasama Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan itu diadakan di Bilik Al-Muhazzib dan Bilik Al-Basyir, Bangunan Darul Huda, Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Dalam kursus tersebut, para peserta didedahkan mengenai mata pelajaran dan pelbagai aktiviti termasuk *ice breaking*, aqidah, asertif diri, keutamaan menuntut ilmu, menangani gejala sosial, makarimal akhlak, jenayah siber, thaharah, latihan dalam kelompok, menghalusi bacaan sembahyang dan praktikal sembahyang serta Qiamullail, sembahyang fardu lima waktu secara berjemaah, Kuliah Subuh dan Kuliah Maghrib, pembentangan kerja kumpulan 'Cabaran Remaja Masakini', Tausyeh, Kuiz Zihnul Islam, ceramah motivasi dan sukan bola jaring.

Kursus dikendalikan oleh pegawai-pegawai PDI dan juga tenaga pengajar jemputan dari Bahagian Bimbingan dan Kaunseling, Jabatan Sekolah-sekolah, Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara dan



PARA ibu bapa dan penjaga penuntut yang hadir di sesi taklimat, Kursus Nadwah Kemurnian Rohani bagi penuntut perempuan.



PENGARAH Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abd. Rahman turut serta menderma darah pada Kempen Derma Darah Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Bomba dan Penyelamat Ke-56 Tahun.

Kempen Derma Darah sempena Ulang Tahun Ke-56 JBP

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Tugas dan peranan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) bukan hanya setakat memadam kebakaran bahkan lebih menjurus kepada kerja-kerja menyelamatkan nyawa semasa kecemasan.

Kerja-kerja menyelamatkan itu tidak terhad semasa operasi akan tetapi juga memberikan bantuan di luar kerja-kerja operasi kecemasan seperti keperluan orang ramai untuk mendapatkan pendermaan darah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat, telah mengadakan Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Bomba dan Penyelamat Ke-56 Tahun yang berlangsung di Dewan Serbaguna Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Turut hadir bagi menjayakan Kempen Derma Darah ini Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Yahya bin Haji Abd. Rahman dan Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Lim Hock Guan.

Kempen Derma Darah bertujuan untuk menambah Tabung Darah Negara yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan darah bagi masyarakat atau orang ramai yang memerlukannya terutama kepada pesakit-pesakit yang menghidap penyakit kronik, kemalangan dan sebagainya.

Kempen Derma Darah ini melibatkan seramai 55 pegawai-pegawai, anggota dan kakitangan dari cawangan Ibu Pejabat, cawangan Operasi 'A', cawangan Operasi 'C', cawangan Operasi 'D', cawangan Operasi 'F', cawangan Skwad Khas dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan.

Kempen Derma Darah ini akan dilartakan di cawangan-cawangan seluruh negara mengikut tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

Oleh : Rohani Haji. Abd. Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

Bahagian Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Di antara tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk menanamkan semangat cintakan agama, pemimpin, negara dan hidup bermasyarakat di samping memberikan kesedaran tentang kepimpinan ilmu pengetahuan dan meningkatkan kualiti pembelajaran penuntut-penuntut supaya lebih berjaya dalam menghadapi kehidupan yang lebih mencabar.

Selain itu kursus juga diharap dapat memberikan kesedaran terhadap tanggungjawab kepada ibu bapa, guru, bangsa dan negara yang berlandaskan ajaran agama Islam dan mendidik rohani dan jasmani serta melatih mentaliti penuntut supaya berakhlak dengan akhlak Islam yang terpuji.



KETUA Bahagian Kaunseling Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor memberikan taklimat kepada para peserta kursus.

Mangsa kebakaran terima bantuan MUIB



PEMANGKU Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop menyerahkan sumbangan agihan wang zakat kepada Dayang Hajah Rasiah binti Haji Ja'afar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Dalam usaha meringankan beban mangsa kebakaran di Kampung Pulaie baru-baru ini, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah menyerahkan sejumlah BND600.00 wang agihan zakat kepada mangsa-mangsa berkenaan pada majlis yang berlangsung di Bilik Seroja, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Penyerahan wang zakat telah disampaikan oleh Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Pemilik rumah yang ditimpa musibah kebakaran pada 1 April yang lalu, Dayang Hajah Rasiah binti Haji Ja'afar dan anak beliau, Pengiran Anie bin Pengiran Haji Chuchu masing-masing menerima BND200.00, manakala cucu beliau, Awangku Md. Aiman Syafiq bin Pengiran Anie menerima sebanyak BND200.00 beserta bantuan alat persekolahan.

Kesemua wang tunai dan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

perbelanjaan peralatan persekolahan itu adalah dari peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin.

Pengagihan wang zakat tersebut diharap akan dapat meringankan sedikit sebanyak beban yang

ditanggung oleh mangsa dan dengan harapan semoga mereka lebih berhati-hati dan sentiasa berwaspada dalam menjaga keselamatan ahli keluarga dari ditimpa musibah sebegini.



KELUARGA mangsa kebakaran di Kampung Pulaie baru-baru ini, Dayang Hajah Rasiah binti Haji Ja'afar dan anak serta cucu beliau.

BIBD terima Anugerah Juara Pembangunan Bakat Kewangan Islam

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam



BIBD dianugerahkan Perbankan Kewangan Islam Institut Malaysia (IBFIM) Anugerah Juara Pembangunan Bakat Kewangan Islam bagi Kategori Antarabangsa di Majlis Anugerah Pengiktirafan dari IBFIM Kali Ke-3 di Kuala Lumpur, Malaysia yang disampaikan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamed.

KUALA LUMPUR, Sabtu, 9 April. - BIBD telah dianugerahkan IBFIM (Perbankan Kewangan Islam Institut Malaysia) Anugerah Juara Pembangunan Bakat Kewangan Islam bagi Kategori Antarabangsa di Majlis Anugerah Pengiktirafan dari Perbankan Kewangan Islam Institut Malaysia (IBFIM) Kali Ke-3.

Juga dalam Kategori Antarabangsa, BIBD dan Negara Brunei Darussalam sendiri, Dayangku Noruldiana Shim binti Pengiran Haji Hashim telah dianugerahkan dengan Anugerah Pencapaian Tertinggi dalam Perancang Kewangan (IFP) Kategori Islam. Acara ini telah diadakan di Ballroom Mahkota, Hotel Istana, Kuala Lumpur, City Centre.

Timbalan Pengarah Urusan BIBD dan Ketua Pegawai Kewangan, Hajah Noraini binti Haji Sulaiman menerangkan tentang pengiktirafan BIBD, "Program ini juga membolehkan BIBD untuk membangunkan keupayaan mereka untuk menyediakan Islam yang lebih mantap di samping penyelesaian pengurusan kewangan dan harta untuk pelanggan BIBD. Usaha-usaha ini juga mencerminkan usaha berterusan BIBD untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat daripada pelanggan BIBD bersama-sama dengan inovasi dalam produk kewangan Islam."

BIBD kini mempunyai empat puluh dua pasukan perancang kewangan Islam yang diperakui (IFP), empat daripada mereka adalah juga Chartered Financial Consultants (ChFC), sebilangan yang berkembang secara berterusan dengan lebih ramai kakitangan BIBD mendaftar ke dalam menjadi perancang kewangan bertauliah.

Program IFP adalah kelayakan profesional yang dibangunkan dengan kerjasama antara IBFIM dan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM). Program bertujuan untuk membangunkan pakar dalam perancangan kewangan dan pengurusan harta untuk memenuhi standard yang meningkatkan kecekapan dan amalan etika profesional perancangan kewangan.

Acara tersebut merupakan pengiktirafan kepada pemegang kelayakan disahkan IBFIM bersama-sama dengan pengiktirafan kepada organisasi yang telah bersungguh-sungguh menyokong bakat inisiatif pembangunan IBFIM dengan memberikan mereka Anugerah Juara Pembangunan Bakat Kewangan Islam berprestij.

Isu perlindungan kanak-kanak dititikberatkan

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah (IPSHB) telah mengadakan Forum Peranan Guru Dalam Perlindungan Kanak-kanak pada 6 April 2016 lepas di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Lebih daripada seratus orang hadir dalam forum tersebut yang terdiri daripada para pensyarah, guru-guru di bawah Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, guru-guru di bawah Jabatan Pendidikan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para siswa-siswazah UBD khususnya dari jurusan Master of Teaching, Master in Counseling, Sarjana Pendidikan atau Master of Education dan PhD, IPSHB.

Majlis selama satu jam itu dipengerusikan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, UBD, Dr. Hajah Salwa binti Dato Seri Setia Haji Mahalle yang juga selaku pensyarah dalam bidang kaunseling.

Manakala, ahli-ahli panel terdiri daripada Ketua Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-kanak di Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei iaitu DSP Hajah Maryani binti Haji Abdul Wahab dan penceramah agama yang berkepakaran dalam Hadith daripada Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang juga merangkap sebagai Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, UNISSA iaitu Ustazah Dr. Lilly Suzana binti Haji Shamsu.

Perbincangan forum memfokuskan peranan guru-guru dan kaunselor dalam melindungi kanak-kanak di sekolah. Forum ini juga turut membincangkan pelbagai isu seperti penderaan kanak-kanak dari segi fizikal, emosi dan mental, kanak-kanak dalam risiko (*neglecting, abandoning & exposing*), ibu bapa atau penjaga yang tidak sesuai (*unfit guardian*), meninggalkan anak tanpa pengawasan,

membenarkan kanak-kanak untuk meminta sedekah, aktiviti-aktiviti haram atau aktiviti-aktiviti yang menjejaskan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak tersebut dan penyeludupan kanak-kanak.

Seperti yang telah dikongsikan oleh Ustazah Dr. Lilly Suzana melalui sebuah hadis yang mafhumnya "Setiap anak yang dilahirkan itu adalah dalam keadaan fitrah (suci) justeru ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani dan Majusi (HR Riwayat Bukhari dan Muslim)."

Agama Islam sangat menitikberatkan perlindungan kanak-kanak, dan ibu bapa bertanggungjawab dalam melindungi dan membentuk kanak-kanak menjadi seorang yang beragama dan menjadi insan yang berguna pada masa hadapan.

Turut disentuh juga mengenai peranan guru sebagai *in loco parentis* iaitu ibu-bapa kepada kanak-kanak di sekolah yang mempunyai tanggungjawab besar untuk memberikan ilmu akademik dan ilmu tentang kehidupan agar kanak-kanak terpelihara dari segi fizikal, emosi dan mental.

Guru mempunyai peranan yang sangat penting dalam melaporkan kepada pihak berwajib jika mengetahui kanak-kanak berisiko dan memerlukan bantuan perlindungan.

Sebagai institusi tinggi yang melahirkan calon-calon guru melalui program Master of Teaching (MTeach), IPSHB sangat mengambil berat akan isu-isu yang berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak khususnya di sekolah. Forum ini juga diharap dapat memberikan kesedaran dan membantu calon-calon guru yang mengikuti MTeach untuk lebih peka dengan hal-hal berkaitan dengan perlindungan kanak-kanak.

MTeach adalah program perguruan selama 18 bulan di IPSHB, UBD. Program ini menerima calon *preservice* atau *in service*. Antara bidang pengkhususan MTeach ialah Early Childhood Education and Care, Primary Education, Secondary Education, Vocational and Technical Education, dan Higher Education.



AHLI-AHLI panel Forum Peranan Guru Dalam Perlindungan Kanak-kanak pada 6 April 2016 yang terdiri dari Dekan SHBIE, Timbalan Dekan, moderator dan penceramah jemputan, Dr. Lilly Suzana binti Haji Shamsu dan DSP Maryani Abdul Wahab.

Jurulatih OBBD ikuti program kemahiran di Singapura

Siaran Akhbar dan Foto :
Ihsan KKBS

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 11 April. - Seramai empat orang Jurulatih Pusat Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) berlepas ke Singapura bagi menghadiri Program Latihan Jangka Pendek bagi Kemahiran dan Kelayakan yang berpangkalan di Pusat Outward Bound Singapura (OBS) bermula pada 12 April hingga 9 Mei 2016.

Program Latihan Kemahiran dan Kelayakan ini adalah merupakan salah satu keperluan dan syarat utama bagi melayakkan mereka diiktiraf sebagai Jurulatih Outward Bound *standard* sepertimana yang disyorkan dalam mana-mana pusat atau Sekolah Outward Bound di seluruh dunia termasuklah OBBD. Tanpa adanya kelayakan-kelayakan tertentu yang diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa, jurulatih tidak digalakkan untuk mengendalikan sebarang kursus di lapangan.

Program latihan yang akan dihidari oleh para jurulatih ini adalah meliputi pelbagai kegiatan atau modul Outward Bound dan akan turut disertai oleh jurulatih-jurulatih di kalangan negara-negara ahli yang berdaftar dengan Outward Bound Antarabangsa (OBI) yang secara tidak langsung akan meningkatkan perhubungan *networking* para jurulatih khususnya dalam perkongsian ilmu dan pengalaman dalam dunia kejurulatihan Outward Bound.

Antara modul yang akan mereka ikuti sepanjang program latihan itu nanti adalah seperti *Hard Skill* atau Kemahiran Teknikal bagi kegiatan luar yang berisiko tinggi dan *Soft Skill* atau teori bagi kaedah pembelajaran Outward Bound seperti *facilitation technique, presentation, group control, risk management*



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud (tengah) dan para Jurulatih Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) bergambar ramai sejeurus sebelum para jurulatih tersebut berlepas ke Republik Singapura.

in outdoor activities, safety and reserve, law and ethics in outdoor activities.

Modul-modul bagi program latihan kemahiran dan kelayakan ini akan disampaikan oleh pakar-pakar dan jurulatih-jurulatih yang diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa, antara lainnya terdiri daripada Negara Amerika Syarikat (USA), United Kingdom dan Singapura.

Penghantaran jurulatih-jurulatih ini merupakan salah satu strategi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Pusat Outward Bound, Brunei Darussalam dan Unit Sumber Tenaga Manusia (HRD, KKBS) ke arah memastikan OBBD sentiasa berada pada tahap yang cemerlang dengan mengikuti piawaian yang ditetapkan oleh kementerian tersebut dan pihak OBI

dari semasa ke semasa, di samping untuk meningkatkan profesionalisme dan kemahiran mutu kerja jurulatih OBBD terutama dalam melaksanakan, merangka dan merancang program yang lebih bermutu dan selamat.

Hadir bagi mengucapkan selamat jalan di Lapangan Terbang Antarabangsa Negara Brunei Darussalam kepada keempat-empat orang jurulatih berkenaan ialah

Pemangku Pengarah Pembangunan Belia dan Sukan, KKBS, Awang Haji Rosmadee bin Haji Mohd. Daud.

Sebelum itu, Pemangku Pengarah sempat memberikan kata-kata semangat dan nasihat kepada para jurulatih dengan menekankan penjagaan kesihatan dan disiplin diri sepanjang menjalani program latihan berkenaan.

Pelajar perlu buka minda secara positif

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 April. - Seramai 24 pelajar dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna (SMPAPHM) yang mendapat keputusan cemerlang

dalam Peperiksaan Brunei Cambridge G.C.E 'O' level dan IGCSE sesi Oktober / November 2015 yang lalu telah diraikan dalam satu majlis penyampaian hadiah.

Penyampaian sijil dan hadiah pada majlis yang berlangsung di Dewan Kuliah 4, SMPAPHM, Kampung Sungai Akar itu disempurnakan oleh Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Ahmad selaku tetamu kehormat majlis.

Dalam ucapannya, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada pelajar-pelajar yang telah berjaya mencipta satu lagi sejarah kecemerlangan akademik sekolah tersebut yang mana beliau difahamkan, sekolah berkenaan telah dapat mempertahankan imejnya sebagai salah sebuah sekolah yang cemerlang akademik 'Top 5' senegara semenjak penubuhannya 26 tahun yang lalu.

Selain itu, beliau menjelaskan, SMPAPHM mencatatkan peningkatan pencapaian dari 54.2 peratus pada tahun 2014 ke 55.3 peratus pada tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 1.1 peratus.

"Sesungguhnya, kejayaan yang dicapai dalam pendidikan bukanlah sesuatu yang boleh diwarisi, tetapi ia diperolehi dengan usaha yang jitu, komitmen yang padu dan pengorbanan yang tinggi, di samping sokongan dan dorongan ibu bapa serta bimbingan guru-guru," katanya.

Di samping berusaha mencapai kecemerlangan akademik, beliau menambah, pelajar-pelajar hendaklah

jangan melupakan aspek kerohanian dan jangan menepikan aspek kemanusiaan kerana kedua-duanya adalah sangat penting dalam menstabilkan kehidupan sempurna di dunia mahupun di akhirat.

Menurut beliau, pelajar-pelajar hendaklah membuka minda yang positif secara berterusan dan mengemaskinikan pengetahuan yang sedia ada, di samping mengekalkan akhlak serta budi pekerti yang mulia, berhemah tinggi dan disegani.

"Tidak kurang pentingnya juga tenaga pengajar dan ibu bapa sebagai pemandu yang akan membawa aset negara kita, iaitu pelajar-pelajar ke arah yang berwawasan dan bijaksana dalam membina jati diri dan sahsiah diri pelajar," ujar beliau.

Pada majlis tersebut, Dayang Nurul Syafiqah binti Abdul Rahim menerima Anugerah Khas Pelajar Cemerlang, manakala Anugerah Khas Pelajar Beriltizam diterima oleh Dayang Miza Syahmeena binti Mohammad, Dayang Farhaheffah binti Awang Anuar dan Dayang Siti Nor Hadirah binti Haji Abdul Latif.

Juga hadir pada majlis penyampaian hadiah berkenaan ialah Pengetua SMPAPHM, Dayang Hajah Norwen binti Haji Ibrahim selaku Pengerusi Majlis; Mantan Pengetua SMPAPHM, Dayang Hajah Lena binti Haji Hassan; Ketua Kampung Sungai Akar, Ketua Kampung Kawasan 3 Perumahan Negara Lambak Kanan, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan, guru-guru SMPAPHM dan para ibu bapa serta penjaga pelajar-pelajar yang diraikan.



PEMANGKU Ketua Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Ahmad (kiri sekali) selaku tetamu kehormat majlis bergambar bersama pelajar cemerlang sejeurus menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima.

Brunei punyai sejarah maritim yang signifikan

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Azmah Haji Ahad

KAPAL karam adalah warisan budaya bawah air yang mempunyai nilai budaya, sejarah serta arkeologi yang berhubung kait dengan kewujudan dan aktiviti manusia.

Menurut Jabatan Muzium-Muzium Brunei, terdapat lebih daripada 20 tapak kapal karam di negara ini yang perlu diambil perhatian terutama sekali di kawasan Teluk Brunei. Seperti negara-negara maritim lain di Asia Tenggara, Negara Brunei Darussalam telah banyak dipengaruhi oleh laut.

Secara geografi, negara ini terletak di pantai timur laut Borneo dengan jumlah keseluruhan 161 kilometer dari pantai berhadapan dengan Laut China Selatan dari Sungai Baram berhampiran di barat daya ke Tanjung Muara di timur laut.

Semasa Majlis Pelancaran Kajian Kapal Karam (Shipwreck Survey) di Perairan Brunei, Bangunan Arkib Negara Brunei Darussalam, pada 14 Ogos 2013, Pemangku Pengarah Muzium-Muzium Brunei, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Aji berkata Teluk Brunei dan kawasan sekitarnya adalah laluan untuk kapal-kapal purba ke Sungai Brunei kemungkinan kapal karam di kawasan ini adalah tinggi dan sekitar seperti Tanjung Batu, Muara yang mana kita amat yakin bahawa kawasan ini mempunyai potensi yang mempunyai kapal karam purba.

Teori ini, tambahnya, disokong oleh penemuan bilangan signifikan seramik oleh ahli arkeologi dan nelayan. Kawasan yang disasarkan untuk dibuat kajian dan survei merupakan laluan utama keluar masuk kapal-kapal dagang pada masa dahulu khususnya pada abad ke-10 hingga abad ke-19 masihi sama ada kapal Brunei atau kapal dagang asing, iaitu kawasan Teluk Brunei dan sekitarnya.

Di samping mempunyai potensi terdapatnya kapal karam purba di kawasan Teluk Brunei juga terdapat kapal karam moden yang sangat menarik dan merupakan sumber penting sebagai tempat tumpuan penyelaman skuba.

Antara kawasan-kawasan yang dikenali ialah Blue Water Wreck, Cement Wreck, Australian Wreck dan Bolkiah Wreck yang terletak di pesisiran pantai Laut China Selatan yang turut menarik banyak perhatian penyelam-penyelam dalam dan juga luar negeri. Dua pakar dari Australia yang mempunyai pengalaman luas dalam penyelidikan dan *salvage* ke atas tinggalan kapal karam Asia telah didatangkan khusus untuk memberi tunjuk ajar dan seterusnya membantu kajian tersebut.

Khusus bagi mengkaji khusus untuk mengkaji perdagangan maritim dan peranan Negara Brunei Darussalam sebagai pusat perdagangan maritim pada masa silam, Bahagian Maritim ditubuhkan pada 1 Januari 2004. Muzium Maritim Brunei Darussalam berperanan mempamerkan koleksi khazanah kapal karam yang dijumpai di perairan Brunei pada tahun 1997, yang telah membawa kepada sebanyak 13,261 penemuan artifak yang terdiri daripada bahan tembikar.

Ia juga sangat signifikan mengenai muzium tersebut ialah rekonstruksi Pulau Terendak, pulau buatan manusia yang ditemui di Kawasan Arkeologi Kota Batu.

Penemuan pulau itu menunjukkan bahawa Kota Batu merupakan pusat perdagangan pada kurun 14 hingga 17 Masihi dan terdapat pengawalan perkapalan dan perdagangan maritim yang sistematik.

Memperkirakan Bangunan Muzium Maritim Brunei Darussalam ini dibangunkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dengan memakan belanja BND5 juta di atas tanah seluas 3.53 hektar (8.74 ekar). Muzium ini memiliki tiga galeri pameran, iaitu Galeri Kapal Karam, Galeri Perahu-Perahu di Negara Brunei Darussalam dan Galeri Sementara.

Di Galeri Kapal Karam, ia menghidangkan pameran mengenai penemuan kapal karam Brunei pada tahun 1997. Ini merupakan penemuan penting dalam sejarah maritim negara. Dengan penemuan tersebut ia membuktikan peranan Negara Brunei Darussalam dalam perdagangan maritim dengan negara luar pada Abad Ke-15 hingga Ke-16 Masihi seperti yang dicatat oleh pengembara asing dari Arab dan Eropah. Di galeri pameran ini terdapatnya bermacam-macam barangan yang ditemui seperti bahan-bahan tembikar, gelang kaca, manik, bahan-bahan batu, tembaga dan logam.

Manakala di Galeri Perahu-Perahu di Negara Brunei Darussalam, para pengunjung berpeluang menyaksikan pameran yang memfokuskan hubungan masyarakat Brunei dengan sungai, yang memainkan peranan penting termasuk dari segi perdagangan dalam dan luar negara. Galeri Sementara pula, mengetengahkan kerjasama dengan Muzium Maritim Quanzhou, Republik Rakyat China, yang menyajikan pameran bertemakan 'Menyusuri Lautan : Quanzhou dan Brunei Darussalam dalam Laluan Sutra Maritim', di mana hubungan Negara Brunei Darussalam dan China



PEGAWAI Muzium Kanan, Awang Hanapi bin Maidin semasa memberi penerangan mengenai penggunaan Aplikasi Ipad dan Pack Pelajar 'The Brunei Shipwreck'.

sudah bermula seawal 2,000 tahun lalu dalam bidang perdagangan dan budaya antara kedua-dua buah negara.

Galeri ini juga dapat memberi gambaran kepada pengunjung mengenai hubungan di antara masyarakat Brunei dengan sungai yang memainkan peranan penting termasuk dari segi perdagangan dalam dan antarabangsa.

Menyentuh mengenai pameran kapal karam tersebut beliau menjelaskan, beberapa pameran telah diadakan di dalam dan luar negara termasuk di Perancis pada tahun 2002, iaitu pameran selama enam bulan dan di Australia pada tahun 2004 yang mana ia telah dipamerkan selama setahun.

Perasmian Muzium Maritim Brunei Darussalam telah berkenan disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan pada 23 Mac 2015.

Sejak perasmian Muzium Maritim Brunei pada Mac 2015, muzium berkenaan telah menerima kira-kira 30,000 orang pengunjung dari dalam dan luar negara yang ingin melihat dengan lebih dekat lagi mengenai penemuan dan artifak-artifak yang terdapat di dalam kapal berkenaan.



PARA pengunjung juga berpeluang menyaksikan sendiri pengalaman Aplikasi iPad Kapal Karam di Galeri Kapal Karam Brunei, Muzium Maritim Brunei untuk dinikmati oleh sesiapa sahaja di seluruh dunia.

APLIKASI IPAD KAPAL KARAM BRUNEI

Negara menempa satu lagi sejarah dengan Pelancaran Aplikasi iPad Kapal Karam Brunei dan Pek Pendidikan Kapal Karam Brunei. Pelancaran semula pek pendidikan dan aplikasi itu adalah amat bertepatan sekali memandangkan Pek Pendidikan Kapal Karam Brunei pertama diterbitkan pada tahun 2000. Sementara itu, edisi terkini bukan sahaja menggunakan teknologi terkini bagi memberikan pengalaman yang unik kepada pelajar di sekolah, tetapi ia juga dihasratkan untuk dinikmati oleh sesiapa sahaja di seluruh dunia.

Pengguna di negara ini, tetapi juga di seluruh dunia yang mana ia memberi peluang bagi memperkenalkan negara kepada penduduk seluruh dunia untuk mengenali Brunei menerusi kekayaan sejarah maritim negara dan dari itu, menarik minat mereka untuk berkunjung sendiri ke Brunei bagi mengenali negara, budaya, sejarah dan masyarakat Brunei.

Pada awal penghasilan aplikasi ini, ia disasarkan bagi golongan pelajar, tetapi apabila melihat pada kualiti segala perancangan dan kerja yang telah dilaksanakan, ia amat bersesuaian untuk menjadikannya lebih menarik dan boleh diperolehi serta digunakan oleh masyarakat dalam dan luar negara.


Aplikasi ini juga akan memberikan pengalaman yang lebih menarik dan interaktif kepada pengguna termasuk para pelajar sekolah untuk mengenali sejarah penting maritim Brunei.

Di samping itu, ia juga merupakan satu jendela ke dalam sejarah maritim Brunei yang mempunyai signifikan dan amat penting terutama bagi generasi muda mengenai peranan Brunei dalam perdagangan maritim dengan negara-negara luar dari hujung Abad Ke-15 hingga Abad Ke-16.

Projek Arkeologi Kapal Karam Brunei merupakan satu penemuan yang penting di mana lebih 13,000 artifak telah ditemui dan direkodkan bagi projek yang ditaja oleh Elf Aquitaine sebelum ia bergabung dengan Total di mana kapal karam itu ditemui semasa kerja-kerja kajian bagi laluan paip padang gas eksport Maharaja Lela.

Di samping itu, orang ramai juga berpeluang untuk menyaksikan dan mencuba sendiri pengalaman aplikasi itu di Muzium Maritim Brunei yang ditempatkan di Galeri Kapal Karam Brunei di mana Kiosk iPad di galeri itu telah ditaja oleh Total E&P Deep Offshore Borneo B.V. dan rakan-rakan kongsi CA1, bagi kegunaan para pengunjung. Aplikasi tersebut yang boleh dimuat turun secara percuma menerusi Apple App Store dan Google Play Store akan meningkatkan lagi jumlah tempat-tempat menarik yang boleh dikunjungi oleh para pelancong dari dalam dan luar negara.

Pegawai Muzium Kanan, Awang Hanapi bin Haji Maidin mengongsikan pandangan adanya aplikasi tersebut ia akan dapat membantu meningkatkan minat para penuntut dalam menerokai bidang maritim yang merupakan satu bidang baharu di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, marilah kita sama-sama meneroka sejarah maritim negara yang kaya dengan khazanah berharga untuk menimba pengalaman dan ilmu pengetahuan.



SEBUAH buku mengenai Penemuan Kapal Karam Brunei (The Brunei Shipwreck).



GALERI Kapal Karam mempamerkan koleksi khazanah kapal karam yang dijumpai di perairan Brunei pada tahun 1997 telah membawa kepada penemuan artifak terdiri dari bahan tembikar.



Teladan dalam pengurusan kewangan peribadi

Oleh :
Unit Perlindungan Pengguna Kewangan, AMBD

AWANG sedang menghadapi satu masalah. Kereta mewah terbaharu dikeluarkan dalam pasaran dan dia mahu membelinya. Masalahnya, pada masa ini, dia mempunyai banyak tanggungan kewangan yang menyebabkan dia tidak dapat membeli kereta tersebut sama ada secara tunai atau berhutang. Nisbah keseluruhan khidmat hutangnya (TDSR) sudah melimpasi had 60%, bermakna gaji bersihnya sudah digunakan untuk melangsaikan beberapa tanggungan kewangan: satu pembiayaan peribadi, satu pembiayaan kereta dan beberapa kad kredit. Dia juga menjana rekod pembayaran yang tidak memuaskan, oleh kerana membuat pembayaran lewat dari tarikh dipersetujui. Masalah ini dapat dilihat dalam laporan kreditnya yang menyebabkan bank dan syarikat kewangan tidak dapat mempertimbangkan permohonannya membeli kereta tersebut.

Awang berusaha untuk mencari penyelesaian melalui kakak iparnya, Dayang. Dayang mempunyai tanggungan kewangan yang sedikit dan juga membuat pembayaran hutangnya pada masa yang tepat.

Awang memohon bantuan Dayang untuk memohon pembiayaan kereta tersebut menggunakan nama Dayang. Awang berjanji untuk membuat pembayaran bulanan sebanyak \$800 dan memujuk Dayang tidak perlu khuatir; dia tidak perlu membaca terma dan syarat dalam perjanjian dan hanya perlu menandatangani perjanjian berkenaan sahaja.

Setahun kemudian, oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, Awang kehilangan kerja dan hilang hasil pendapatan. Awang tidak dapat melunaskan pembayarannya dan gagal menunaikan janjinya kepada kakak iparnya. Dengan tanggungan baharu (Dayang dan suaminya baru mendapat pembiayaan gadai janji perumahan), Dayang juga tidak dapat melunaskan pembayaran tersebut. Oleh kerana Awang gagal untuk melunaskan bayaran bulanan kepada Dayang, pembayaran kereta tergendala. Dayang menerima beberapa notis dari pihak bank dan diberi amaran bahawa bank akan mengambil tindakan undang-undang jika dia gagal melunaskan hutang seperti yang dijanjikan.

"Tetapi kereta itu kereta kamu dan pembiayaan itu pembiayaan kereta kamu!," sergah Dayang kepada Awang, "Kenapa saya yang terima akibatnya? Saya tidak pernah memandu kereta tersebut! Ia pada nama saya, tetapi itu tanggungjawab kamu!"

Natijahnya, Awang dan Dayang tidak mampu membayar bayaran bulanan. Pada pandangan pihak bank, Awang tidak ada kaitan dengan pembiayaan kereta tersebut. Pihak bank meneruskan tindakan undang-undang ke atas Dayang, oleh kerana pembiayaan kereta yang bukan miliknya.

* * *

PERNAHKAH awda mendengar atau menghadapi kemelut ini? Sebenarnya, ini adalah perkara yang biasa berlaku di Negara Brunei Darussalam. Walaupun niat asal pengguna seperti Dayang hanyalah untuk membantu kawan atau keluarga mereka tanpa mengharapkan balasan, realitinya ramai yang tidak memahami kesan mendapatkan pembiayaan bagi orang lain. Jadinya, apakah teladan dari cerita di atas tadi?

Tidak kira kemudahan kewangan itu untuk siapa - jika nama awda di dalam perjanjian, awda yang bertanggungjawab.

Sebelum tertubuhnya Biro Kredit pada tahun 2012, institusi kewangan tidak dapat meneliti kebolehan individu untuk membayar pembiayaan yang akan diberikan kerana maklumat kredit seperti ini tidak dikongsikan sesama mereka. Setelah penubuhan Biro Kredit, institusi kewangan sudah boleh meneliti laporan kredit awda, iaitu satu laporan simpulan sejarah dan maklumat kredit awda. Laporan kredit ini digunakan untuk mengesahkan tanggungan kewangan awda serta ketetapan masa membayar. Individu juga boleh menggunakan laporan kredit untuk menyemak maklumat individu tersebut adalah betul



GAMBAR HIASAN... Awda tidak perlu takut berjumpa dengan pihak bank awda untuk membincangkan kemelut kewangan awda.



GAMBAR HIASAN... Rancang kewangan awda untuk masa depan khususnya bagi barang keperluan.

dan terkini.

Jika awda memohon pembiayaan

menggunakan nama awda sendiri, tetapi bagi kegunaan orang lain, nama awda yang akan tertera dalam laporan kredit dan bukan orang yang memanfaatkan pembiayaan tersebut.

Natijahnya, jika orang yang meminjam (seperti Awang) tidak dapat melunaskan hutang tersebut, ini akan memberi kesan kepada awda kerana dalam laporan kredit, nama awda tertera sebagai peminjam.

Rancang dan kawal kewangan awda dengan sebaiknya.

KEPERLUAN ATAU KEHENDAK?

Awang sepatutnya menilai keadaan kewangannya dan menyedari kewangannya tidak cukup bagi pembelian sebuah kereta yang baharu. Awang tahu dia sudah mempunyai pembiayaan kenderaan, pembiayaan peribadi, dan beberapa keping kad kredit yang meninggalkan baki gaji yang sedikit. Selain dari itu, pembayaran bulanan bagi kereta idamannya itu adalah BND800, yang bermakna kereta itu kereta mewah dan bukannya satu 'keperluan'. Awang perlu mengutamakan baki wang kepada perbelanjaan yang perlu seperti belanja pembelajaran anak-anak dan keperluan dapur.

MENJANA SATU TABUNG KECEMASAN

Awang tiba-tiba kehilangan pekerjaan dan pendapatan. Perkara di luar dugaan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja. Oleh itu, disarankan bagi menjana tabung kecemasan dari pendapatan (gaji) untuk menampung perbelanjaan awda ketika berlaku kecemasan atau perkara yang di luar dugaan.

RANCANG MASA DEPAN AWDA

Pada tahun pertama, Dayang tidak banyak tanggungan kewangan dan boleh membantu Awang.

Walau bagaimanapun tahun hadapannya, Dayang mendapatkan pinjaman perumahan gadai janji bersama suaminya. Sepatutnya Dayang memaklumkan kepada Awang dia tidak dapat membantu menggunakan namanya kerana dia hendak membeli sebuah rumah, dan perlu merancang kewangannya untuk membangun rumah itu. Awda disarankan untuk merancang kewangan awda untuk masa depan, khususnya bagi barang keperluan. Awda boleh mendapatkan nasihat pengurusan kewangan peribadi daripada bank awda.

BACA TERMA DAN SYARAT

Amalkan membaca terma dan syarat bagi mana-mana perjanjian yang akan awda tandatangani dan memahami apa yang awda sanggup tanggung

Kesalahan besar Dayang adalah untuk menandatangani perjanjian tanpa membacanya. Ditekankan sekali lagi, jika nama awda ada di dalam sesuatu perjanjian, awda akan dipertanggungjawabkan jika ada tindakan undang-undang. Amalkan menelaah terma dan syarat satu perjanjian sebelum menandatangani.

AMBIL TINDAKAN!

Awda tidak perlu takut berjumpa dengan bank awda untuk membincangkan kemelut kewangan awda. Dalam kes Dayang, lebih elok jika Dayang berbincang dengan banknya mengenai pilihan lain pembayaran atau menstruktur semula (*restructure*) pembayaran pembiayaan. Dengan ini, mungkin dia boleh mengelakkan ponteng membayar yang menjurus kepada tindakan undang-undang.

Walaupun kisah Awang dan Dayang adalah rekaan, kita boleh mengambil teladan dari kisah tersebut agar kita menjadi pengguna kewangan yang lebih celik dalam pengurusan kewangan kita.



DAPATKAN pengetahuan mengenai pengurusan kewangan peribadi melalui ceramah-ceramah mahupun pihak berautoriti yang lain.

Menyebarkan hadis melalui media sosial

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

UMAT Islam diperintahkan untuk mentaati ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan menjadikan Baginda sebagai qudwah atau ikutan. Ketaatan terhadap perintah ini, serta kecintaan yang tinggi terhadap Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, merupakan antara pendorong utama yang membuatkan setiap umat Islam apabila terdengar atau terbaca segala apa yang dinisbahkan kepada Baginda akan berasa teruja untuk mengamalkan dan seterusnya menyebarkannya kepada yang lain supaya pahala amal kebajikan itu sama-sama diperolehi.

Realiti yang kita nampak pada hari ini, aplikasi-aplikasi media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Twitter, Telegram, Instagram dan sebagainya seakan-akan menjadi trend dan keperluan semasa. Aplikasi-aplikasi media sosial seumpama ini, tidak dinafikan mempunyai banyak kebaikan yang tersendiri. Antaranya, ia membantu mengeratkan hubungan silaturahmi dengan mempermudah perhubungan sesama keluarga serta sahabat handai. Ia juga merupakan platform terpentas bagi penyebaran dan perkongsian berita, maklumat ataupun ilmu.

Bagaimanapun, dalam kealpaan serta "keiskian" budaya "copy & paste", sebilangan orang mudah terlupa akan satu hakikat yang sangat penting, iaitu tidak semua berita, maklumat ataupun ilmu yang viral atau tersebar dalam media sosial itu adalah sahih dan tepat. Bahkan adakalanya ia hanya khabar palsu semata-mata, atau maklumat yang salah ataupun berita yang tidak betul. Antara bahan yang sering dikongsikan dalam aplikasi-aplikasi berkenaan ialah petikan daripada hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sememangnya tidak dinafikan bahawa menyebarkan sesuatu ilmu yang berguna kepada orang lain merupakan satu ibadah yang mendatangkan pahala, lebih-lebih lagi jika yang disebarkan itu adalah hadis Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan sumber tasyrie' Islam yang kedua selepas Al-Quran. Abdullah bin 'Amr Radhiallahu 'anhuma meriwayatkan bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

Maksudnya : "Sampaikanlah daripadaku walaupun hanya satu ayat..."
(Hadis riwayat Al-Bukhari)

BAGAIMANAPUN, dalam kealpaan serta "keiskian" budaya "copy & paste", sebilangan orang mudah terlupa akan satu hakikat yang sangat penting, iaitu tidak semua berita, maklumat ataupun ilmu yang viral atau tersebar dalam media sosial itu adalah sahih dan tepat. Bahkan adakalanya ia hanya khabar palsu semata-mata, atau maklumat yang salah ataupun berita yang tidak betul. Antara bahan yang sering dikongsikan dalam aplikasi-aplikasi berkenaan ialah petikan daripada hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sememangnya tidak dinafikan bahawa menyebarkan sesuatu ilmu yang berguna kepada orang lain merupakan satu ibadah yang mendatangkan pahala, lebih-lebih lagi jika yang disebarkan itu adalah hadis Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan sumber tasyrie' Islam yang kedua selepas Al-Quran.

Bagaimanapun, perlu diingat bahawa saranan supaya menyampai dan menyebarkan hadis-hadis Baginda itu ada batas-batas serta syarat-syaratnya. Antara perkara yang paling penting untuk diambil perhatian ialah hadis tersebut mestilah sabit nisbahnya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Bukan hadis-hadis yang *mardud* (tertolak) seperti hadis yang bertaraf *dha'if jiddan* (sangat lemah) apatah lagi hadis *maudhu'* (hadis yang palsu atau direka-reka).

Budaya penyebaran hadis semakin menjadi-jadi dan berleluasa akhir-akhir ini. Terutama sekali melalui platform aplikasi-aplikasi media sosial. Apa yang menjadi kebimbangan kita ialah ada di antara hadis-hadis yang disebarkan itu adalah hadis *maudhu'*.

Apakah dia hadis *maudhu'* itu? Apakah hukum meriwayatkan, mereka-reka atau menyebarkannya? Terlepaskah seseorang itu daripada dosa sekiranya dia meriwayatkan atau menyebarkan hadis *maudhu'* secara tidak sengahaja, umpamanya kerana jahil, lalai atau kurang berhati-hati?

Definisi Hadis Maudhu'

Hadis palsu atau dalam bahasa Arabnya dinamakan hadis *maudhu'* (مَوْضُوعٌ) ialah apa sahaja perkataan, perbuatan serta lainnya yang dinisbahkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam secara palsu atau dusta.

Dalam ertikata lain, hadis *maudhu'* adalah segala kata-kata, perbuatan serta lainnya yang dinisbahkan kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, padahal semua yang dinisbahkan kepada Baginda itu langsung tidak pernah disabdakan atau dilakukan oleh Baginda. Oleh sebab itu, hadis *maudhu'* bukanlah "hadis" pada hakikatnya. Bahkan ia disebut sebagai "hadis" semata-mata berdasarkan dakwaan perekanya atau perawinya sahaja.

Hadis maudhu' berasal daripada bermacam-macam sumber. Adakalanya hadis *maudhu'* tersebut sebenarnya adalah kata-kata para sahabat, atau kata-kata para ulama, atau kata-kata hikmah, atau kata-kata doktor perubatan, atau *isra'iliyyat* (perkhbaran yang bersumber daripada kitab-kitab kaum Yahudi dan Nasrani) dan sebagainya yang dinisbahkan secara salah kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini berlaku sama ada secara sengaja atas tujuan-tujuan tertentu atau secara tidak sengaja atas sebab jahil, kurang ilmu, cuai dan sebagainya.

Bahkan ada juga hadis *maudhu'* yang sengaja direka sendiri oleh seseorang lalu dia

sendiri menisbahkan kata-kata tersebut kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam padahal kata-kata tersebut langsung tidak pernah dituturkan oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini dilakukan dengan niat dan cara yang tertentu, iaitu:

i) Mencipta dengan niat baik, umpamanya bagi tujuan *at-tarhib wa at-tarhib*, iaitu menganjurkan supaya orang ramai beribadat atau melarang daripada maksiat dengan mereka-reka ganjaran pahala atau fadhilat yang besar bagi suatu amalan (ibadat) dan mereka-reka balasan buruk atau azab ngeri bagi suatu perlakuan maksiat.

ii) Mencipta dengan niat buruk, umpamanya dia mencipta hadis palsu bagi merosakkan ajaran serta nama baik agama Islam, menyebarkan bid'ah sesat, khurafat, ajaran sesat, atau atas dasar kepentingan peribadi, atau bagi menyokong atau menolak pendapat suatu aliran atau satu pegangan atau satu kepercayaan, kerana suka atau benci kepada seseorang, kerana taksub atau benci kepada suatu mazhab, atau kerana ingin menarik perhatian orang ramai supaya suka, terpesona dan takjub mendengar ceramah atau khutbahnya dengan mereka-reka hadis tentang kisah-kisah yang ajaib dan pelik serta tujuan-tujuan yang lainnya.

Hukum Meriwayatkan Dan Menyebarkan Hadis Maudhu'

Hadis maudhu' adalah seburuk-buruk hadis dalam lingkungan kategori hadis *dha'if* serta yang paling berbahaya dan paling mudarat ke atas agama serta umat Islam.

Para ulama hadis, bahkan jumhur ulama salaf dan khalaf sepakat mengatakan bahawa hukum meriwayatkan atau menyebarkan hadis *maudhu'* adalah haram jika orang itu mengetahui bahawa hadis tersebut adalah hadis *maudhu'*. Tidak kira sama ada hadis *maudhu'* itu adalah dalam perkara yang berkaitan dengan hukum-hukum, kisah-kisah, *at-tarhib wa at-tarhib* atau sebagainya.


Bagaimanapun, tidak haram hukumnya jika ia diriwayatkan dengan tujuan untuk memperjelaskan kedudukannya sebagai hadis *maudhu'* supaya orang ramai mengenali dan mengetahui bahawa ia adalah hadis palsu yang tidak sabit nisbahnya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Keharusan meriwayatkannya itu hanyalah bagi tujuan untuk memperingatkan orang ramai supaya berwaspada serta menjauhi hadis-hadis berkenaan.

Larangan daripada meriwayatkan atau menyebarkan hadis *maudhu'* tidak hanya terbatas kepada hadis-hadis yang nyata atau diyakini palsunya sahaja. Bahkan hadis-hadis yang diragui kesabitannya pun termasuk dalam larangan ini. Ini jelas sepertimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim Rahimahullah dalam Shahihnya bahawa Samurah bin Jundab dan al-Mughirah bin Syu'bah Radhiallahu 'anhuma telah meriwayatkan bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

Maksudnya : "Barangsiapa yang meriwayatkan daripadaku suatu hadis sedangkan dia menyangka bahawa hadis itu adalah dusta, maka dia adalah salah seorang daripada pendusta-pendusta itu".
(Hadis riwayat Muslim)

Menurut Imam Ibnu Hajar al-'Asqalaani Rahimahullah, hadis ini bermaksud bahawa sesiapa sahaja yang meriwayatkan suatu hadis yang dia sendiri ragu akan kesabitannya, yakni dia khuatir bahawa hadis tersebut berkemungkinan palsu, lalu dia tetap juga meriwayatkannya, maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganggap dia sama bersekutu dengan orang yang mencipta hadis *maudhu'* tersebut. Jika kerana 'ragu' atau 'khuatir' pun sudah dikategorikan sedemikian, apatah lagi jika seorang itu meriwayatkan atau menyebarkan suatu hadis yang dimaklumi palsu kemudian dia sengaja pula meriwayatkannya tanpa menjelaskan kedudukannya.

Imam an-Nawawi Rahimahullah pula



berkata : "Haram hukumnya meriwayatkan hadis *maudhu'* bagi sesiapa yang mengetahui bahawa ia adalah hadis *maudhu'* ataupun dia merasakan bahawa ia adalah hadis *maudhu'*. Maka barangsiapa yang meriwayatkan satu hadis sedangkan dia tahu atau merasakan bahawa ia adalah hadis *maudhu'*, lalu dia tidak menerangkan kepalsuan hadis itu dalam periwayatannya, maka dia termasuk dalam janji buruk tersebut."

Imam al-Mulla 'Ali al-Qari Rahimahullah pula berkata : "Kemudian barangsiapa yang meriwayatkan satu hadis daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, sedangkan dia sendiri syak tentang hadis tersebut; adakah ia sahih ataupun tidak sahih, maka dia merupakan salah seorang daripada para pendusta itu".

Jelasnya daripada kenyataan Imam Ibnu Hajar al-'Asqalaani, Imam an-Nawawi serta Imam al-Mulla 'Ali al-Qari Rahimahullah ini, amaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis tersebut tidak hanya terbatas atau tertumpu kepada mereka yang tahu bahawa hadis yang mereka riwayatkan, bawaikan ataupun sebarikan itu adalah hadis *maudhu'*, bahkan mereka yang memiliki walau sekelumit keraguan akan kesabitannya hadis berkenaan pun turut termasuk dalam amaran tersebut.

Meriwayatkan atau menyebarkan hadis *maudhu'* tanpa menjelaskan bahawa ia adalah hadis palsu, tidak syak lagi merupakan satu dosa serta jenayah yang sangat besar. Anas bin Malik, Abu Hurairah, al-Mughirah Radhiallahu 'anhum serta ramai sahabat lainnya meriwayatkan bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda :

Maksudnya : "Barangsiapa yang melakukan pendustaan terhadapku, maka hendaklah dia mempersiapkan tempat tinggalnya di neraka".
(Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini merupakan satu amaran keras ke atas siapa sahaja yang berdusta atau menisbahkan apa sahaja bentuk dusta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Janji neraka dalam hadis berkenaan sudah cukup menggambarkan bahawa perbuatan meriwayatkan atau menyebarkan hadis *maudhu'* merupakan satu jenayah yang sangat besar di sisi Islam. Ia satu perbuatan khianat dan derhaka yang selayaknya ditakuti dan dijauhi oleh seluruh umat Islam. Bahkan menurut Imam Abu Muhammad al-Juwaini Rahimahullah, perbuatan ini jika disengajakan akan mengakibatkan kekufuran. Bagaimanapun, jumhur berpendapat bahawa ia tidaklah mengakibatkan kekufuran melainkan jika pelakunya beriktikad bahawa berdusta ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah sesuatu yang halal dan dibenarkan.

Manakala Imam az-Zahabi Rahimahullah pula berkata dalam kitabnya al-Kaba'ir bahawa melakukan satu dusta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan menisbahkan sesuatu kepadanya secara bohong boleh mengakibatkan kekufuran sekiranya ia dalam perkara mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram, katanya : "Dan tidak syak lagi bahawa perbuatan sengaja berdusta terhadap Allah Ta'ala serta Rasul-Nya Sallallahu Alaihi Wasallam dalam perkara mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram sudah memadai untuk mengakibatkan kekufuran..."

Bersambung

Laksanakan rondaan, cegah jenayah



ANGGOTA Balai Polis Pusat bersama ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Menglait, Mukim Gadong 'B' semasa membuat rondaan pencegahan jenayah di sekitar kawasan tersebut termasuk kawasan Pengkalan Gadong, The Mall Gadong, kawasan Batu Bersurat dan Tungku Link.

Pantau kegiatan jenayah di STKRJ Kampung Telisai

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Khamis, 7 April. - Anggota Balai Polis Tutong bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Telisai Tutong meneruskan rondaan pencegahan jenayah di daerah ini dan kali ini menumpukan perhatian di sekitar kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Telisai bermula jam 9.00 malam.

Menyertai rondaan ialah sembilan ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Telisai yang diketuai oleh ketua kampung tersebut, Awang Madin bin Abd. Wahid.

Rondaan bersama lapan orang anggota balai polis berkenaan bermula di kawasan gerai Telisai dan dibahagikan kepada tiga kumpulan dengan menggunakan kenderaan polis dan juga rondaan berjalan kaki di sekitar kawasan perumahan berkenaan.

Rondaan yang berakhir kira-kira jam 11.15 malam itu tidak menemukan sebarang kegiatan jenayah.



ANGGOTA Balai Polis Tutong bersama Pengawasan Kejiranan Kampung Telisai Tutong semasa membuat rondaan pencegahan jenayah di daerah tersebut.



PEGAWAI bertugas membuat catatan ke atas peniaga yang ada untuk membantu siasatan.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 8 April. - Balai Polis Pusat bersama dengan ahli-ahli Pengawasan Kejiranan Kampung Menglait, Mukim Gadong 'B' meneruskan rondaan pencegahan jenayah di sekitar kampung berkenaan.

Rondaan disertai oleh Penghulu Mukim Gadong 'B', Mejar (B) Awang Haji Bakar bin Sapar dan Ketua Kampung Menglait, Haji Awang

Mohdar bin Haji Awang Ahmad bersama 11 ahli pengawasan kejuranan kawasan berkenaan.

Balai Polis Pusat diketuai oleh Pemangku Pegawai Menguasa Balai berkenaan, Penolong Penguasa Polis Percubaan Mohd. Izzuddin Hanis bin Haji Md. Salleh; Penolong Pegawai Menguasa Balai Polis Pusat, Inspektor Mohd. Faisal Iswandy bin Ali Othman serta 13 anggota

Balai Polis Pusat.

Sebelum rondaan dijalankan taklimat disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Balai Polis Pusat mengenai situasi jenayah di kampung berkenaan.

Rondaan yang bermula jam 11.20 malam itu dikendalikan di kawasan kampung tersebut dan sekitarnya termasuk kawasan Pengkalan Gadong, The Mall Gadong, kawasan Batu Bersurat, Tungku Link dan Menglait yang dibahagikan kepada dua kumpulan.

Rondaan berakhir jam 1.40 pagi.

Rondaan pencegahan jenayah diteruskan



ANGGOTA Unit Pengawasan Kejiranan Polis Daerah Temburong bersama PK Labu Estate, PK Piasau-Piasau dan PK Senukoh pada malam tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG. - Daerah Polis Temburong melalui Unit Pengawasan Kejiranan, Balai Polis Bangar pada 5 Mac 2016 yang lalu telah mengadakan aktiviti pencegahan jenayah dengan gabungan tiga orang ahli Pengawasan Kejiranan (PK) Kampung Labu Estate, tiga orang ahli PK Kampung Piasau-Piasau dan seorang ahli PK Kampung Senukoh bermula jam 9.30 malam.

Aktiviti tersebut dimulakan

dengan sesi taklimat ringkas yang disampaikan oleh Ketua Operasi, ASP Pengiran Anak Haji Azanuddin Aman Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail Al-Haj, Pegawai Penguasa Balai Polis Bangar di kawasan lapang Balai Raya Labu Estate.

Aktiviti tersebut disertai oleh Penghulu Mukim Labu, Awang Haji Abdurahman bin Haji Nasir selaku Penasihat PK Mukim Labu dan Pengerusi PK Kampung Piasau-

Piasau; Ketua Kampung Labu Estate, Haji Sulaiman bin Haji Nasir selaku Pengerusi PK Kampung Labu Estate dan Ketua Kampung Senukoh, Awang Yusof bin Haji Maidin, selaku Pengerusi PK Kampung Senukoh.

Operasi rondaan berjalan kaki dan berkenderaan dilaksanakan di sekitar kawasan Mukim Labu yang menyasarkan kawasan Kampung Labu Estate, Kawasan Taman Rekreasi Bukit Patoi, Kampung Senukoh dan Kampung Piasau-Piasau. Bagaimanapun, tiada kegiatan yang mencurigakan didapati sepanjang rondaan dijalankan yang berakhir pada tengah malam hari tersebut.

Operasi Kesan tahan pesalah imigresen

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 7 April. - Operasi Kesan JIPK 25/2016 telah berjaya menahan 11 warganegara asing termasuk lima perempuan asing kerana gagal menunjukkan pas imigresen yang masih sah dan dipercayai menyalahgunakan pas imigresen yang diberikan dengan bekerja di Pasar Tani Perniagaan Setenaga Sengkuring. Mereka kemudiannya dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi tapisan dan siasatan lanjut.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), sehari sebelumnya Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang juga mengendalikan Operasi Kesan JIPK 24/2016 di tiga lokasi sasaran, iaitu sebuah permis peniagaan dan sebuah bilik sewa yang berasingan di Mukim Berakas serta Bangunan dalam Pembinaan Mukim Kilanas.

Dalam operasi tersebut, mereka mendapati seorang lelaki warganegara asing yang dipercayai pekerja lari dari majikan yang telah pun dilaporkan ke Bahagian Penguatkuasa Undang-

Undang pada 22 Mei tahun lalu dan pas imigresen mansuh sejak 11 Mac tahun ini.

Manakala dalam pemeriksaan mengejut di sebuah tapak projek pembinaan bangunan komersial yang dalam pembinaan, pegawai bertugas telah pun mengumpulkan pekerja-pekerja buruh binaan.

Semasa tapisan dijalankan, empat pekerja asing telah pun dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi tapisan lanjut setelah

mereka gagal menunjukkan sebarang dokumen.

Setelah siasatan lanjut mendapati seorang lelaki pekerja asing berkenaan adalah pekerja lari dari majikan yang telah pun dilaporkan ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang dan pas imigresen telah pun mansuh sejak 10 Januari 2015.

Operasi KESAN JIPK 25/2016 diketuai oleh Ketua Pegawai Imigresen dan melibatkan 16 pegawai yang mengendalikan operasi tersebut.

RALAT

MERUJUK berita bertajuk 'KIGS sertai Program Global Campus Brunei' keluaran Pelita Brunei, Edisi Isnin bertarikh 11 April 2016, muka surat 12, Kolej International Graduates Studies (KIGS) telah membetulkan Siaran Akhbar yang hendaklah dibaca seperti berikut :

"Ketua Jabatan Akademik KIGS, Cikgu Sonny Jumbo," pada para empat dan pada para lima, "Tambahnya lagi, antara objektif utama 'Global Campus' ini diadakan adalah untuk mempamerkan budaya Melayu Islam Beraja (MIB) kita ke negara-negara jiran dan sekali gus mendedahkan penuntut-penuntut ini dalam pelbagai industri berdasarkan pengalaman pembelajaran mereka." - Ketua Penyuntingan.

Pemenang Minda Pembaca!



Pupuk kesedaran atasi kemusnahan hutan

MASALAH kemusnahan hutan sering menjadi isu. Oleh itu, kita perlu prihatin dengan masalah kemusnahan hutan yang sering hangat dibincangkan ini. Malangnya, masyarakat kita kurang faham akan masalah ini sehinggakan pelbagai usaha untuk mengatasinya masih kurang berhasil. Di antara sebab kemusnahan hutan berlaku ialah penebangan pokok-pokok hutan yang berterusan, penggunaan baja kimia dan serangga perosak, pembakaran hutan dan sebagainya. Justeru, pelbagai pihak harus bekerjasama memikirkan langkah untuk mengatasi masalah kemusnahan hutan.

Antara langkah-langkah mengatasi masalah kemusnahan hutan ialah menjalankan penanaman pokok semula sertaewartakan hutan simpan dan Taman Negara. Pihak Jabatan Perhutanan perlu menjalankan usaha pemuliharaan hutan simpan, iaitu penanaman semula pokok-pokok di kawasan yang telah ditebang. Pokok-pokok yang terdiri daripada pelbagai spesies yang cepat tumbuh dan matang serta berbuah seperti pokok akasia, batak

dan yamane boleh ditanam dalam projek penghutan semula. Langkah ini dapat memastikan bekalan yang berterusan bagi spesies kayu hutan yang berbuah. Selain itu, hutan simpan dan taman-taman hendaklah dilindungi agar pelbagai spesies flora dan fauna tidak pupus.

Di samping itu, petani-petani digalakkan menggunakan kaedah biologi dalam pertanian dengan menggunakan baja organik iaitu baja asli untuk menggantikan baja kimia. Baja organik diperoleh daripada sisa tanaman dan najis haiwan yang tidak mencemarkan atau memusnahkan kerana ia tidak mengandungi bahan toksik.

Kesimpulannya, kemusnahan hutan yang berlaku adalah berpunca daripada kegiatan harian manusia tanpa pemuliharaan, penggunaan baja kimia dan racun serangga berlebihan dan pembalakan yang tidak terancang. Oleh itu, kita sebagai manusia haruslah menjaga dan memelihara tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar untuk mengatasi kemusnahan hutan.

Nama : Nurfarhan Nabilah binti Haji Abd. Latip

No. K/P : 01-116883 (K)

Alamat : Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Mumong, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Jimat Gunakan Air, Elak Pembaziran'. Tarikh Tutup : 13 April 2016.
2. 'Produk Kampung Bantu Jana Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 20 April 2016.
3. 'Sekolah Institusi Penting Bentuk Masyarakat Bersatu Padu'. Tarikh Tutup : 27 April 2016.

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Unit PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn**

4. Sebanyak satu penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunel@information.gov.bn

Penyalahgunaan nikmat lidah

LIDAH adalah antara nikmat yang Allah kurniakan kepada hamba-Nya. Salah satu fungsi lidah itu ialah untuk berkata-kata. Sesuai dengan fungsi ini, Allah menciptakan lidah dengan tujuan seperti :

- Untuk berzikir kepada Allah, membaca kitabullah (Al-Quran), hadis-hadis Rasulullah, kata-kata sahabat dan seumpamanya.
- Menyampaikan ilmu, nasihat dan menyeru manusia pada mentaati segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.
- Melahirkan segala perasaan, maksud dan kemahuan kita sama ada yang berkaitan dengan kebaikan dunia ataupun akhirat.

Pada zaman ini fungsi lidah tidak hanya terhad lewat dua bibir manusia, tetapi juga disalurkan melalui mata pena seperti risalah-risalah, majalah-majalah dan surat-surat khabar. Era teknologi maklumat dan perhubungan pula telah menyebarluaskan lagi peranan dan pengaruh lidah, iaitu melalui telefon dan juga internet seperti laman web, e-mel dan sebagainya.

Menyalah gunakan lidah dan anggota yang lain dengan tidak menepati tujuan ia diciptakan adalah

bererti mengkufuri nikmat Allah (tidak mensyukuri nikmat yang Allah anugerahkan). Allah Subhanahu Wata'ala telah melarang dan mengecam manusia menggunakan lidah untuk tujuan maksiat dan kejahatan sepertimana firman Allah dalam Surah Al-Hujurat, ayat 11 yang tafsirnya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka, dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah pula kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasiq sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim."

Imam al-Ghazali Rahimahullah di dalam kitabnya Ihya Ulumuddin telah menyenaraikan kejahatan-kejahatan lidah seperti :

- Bercakap pada perkara yang tidak perlu.
- Bercakap berlebih-lebihan.
- Berbual-bual dalam perkara maksiat umpamanya lelaki bercakap tentang perempuan.
- Berbantah-bantah dan bertengkar.
- Bertelingkah.
- Percakapan indah-indah yang dibuat-buat.
- Mengeji, memaki dan kata-kata kotor.
- Melaknat.
- Bersenda gurau yang berlebihan.
- Menghina atau mengejek.
- Membocorkan rahsia.
- Janji dusta.
- Dusta dalam bertutur dan bersumpah.
- Mengumpat.
- Namimah (Mengadu domba dan memfitnah).
- Talam dua muka.
- Pujian yang merosakkan orang yang memuji dan dipuji.
- Mengabaikan kesalahan-kesalahan yang remeh dalam kata-kata.
- Pertanyaan orang awam yang pelik-pelik dan sulit berkaitan dengan agama.

Bohong atau dusta dalam bercakap bermaksud kata-kata yang berlainan dari yang sebenarnya. Bohong boleh berlaku dalam banyak keadaan seperti ketika bercerita, berjanji, bersumpah, menjual beli, menuduh, memfitnah, memberi alasan dan sebagainya.

Ada dua sebab utama yang mendorong orang untuk berbohong, iaitu sama ada untuk mendapat manfaat ataupun untuk mengelak kesusahan. Kerana itu ramai yang ingin menghalalkan berbohong atas anggapan ia lebih selamat dan menguntungkan. Padahal hakikatnya bohong hanya akan menjauhkan seseorang dari apa yang dicita-citakannya dan mendekatkan seseorang dengan apa yang ingin dijauhinya.

Berbohong adalah perkara yang sangat dibenci oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ghaafir,



ayat 28 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang yang melampaui batas lagi sangat pendusta."

Sesiapa yang melakukannya akan mendapat balasan di akhirat kelak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 10 yang tafsirnya :

"Bagi mereka azab yang pedih dengan sebab mereka ini mendustakan kebenaran (ayat-ayat Allah dan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam)."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pula menyifatkan berbohong sebagai salah satu tanda munafik sebagaimana sabda baginda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dari Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu yang bermaksud :

"Tanda munafik itu ada tiga, iaitu bila berbicara dia berbohong, bila berjanji dia mungkir dan bila diberi amanah dia khianat."

Oleh yang demikian, umat Islam hendaklah menjauhi kebohongan, tipu helah, putar belit dan seumpamanya. Sebaliknya hendaklah kita mengamalkan bercakap benar, di mana sahaja dan kepada siapa sahaja, sekalipun ia pahit. Rebutlah kejayaan yang dijanjikan Allah sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 119 yang tafsirnya :

"Allah berfirman : 'Ini ialah hari (Kiamat) yang (padanya) orang yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatannya) mendapat manfa'at daripada kebenaran mereka itu, bagi mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah redha terhadap mereka dan mereka pula redha terhadap-Nya. Itulah kejayaan yang besar."

PADA zaman ini fungsi lidah tidak hanya terhad lewat dua bibir manusia tetapi juga disalurkan melalui mata pena seperti risalah-risalah, majalah-majalah dan surat-surat khabar. Era teknologi maklumat dan perhubungan pula telah menyebarluaskan lagi peranan dan pengaruh lidah, iaitu melalui telefon dan juga internet seperti laman web, e-mel dan sebagainya.

Menyalah gunakan lidah dan anggota yang lain dengan tidak menepati tujuan ia diciptakan adalah bererti mengkufuri nikmat Allah (tidak mensyukuri nikmat yang Allah anugerahkan).

Kukuhkan pengetahuan tentang bahaya dadah



YANG Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali ketika berucap semasa Program Pendampingan Masyarakat (Community Outreach Programme).

TEMBURONG, Ahad, 10 April. - Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) terus komited berganding bahu membantu kerajaan membanteras isu-isu berkaitan dengan dadah dengan menjalankan kegiatan pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah di semua peringkat masyarakat.

Salah satu kegiatan yang dilakukan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

oleh persatuan anti dadah tersebut ialah dengan mengadakan Program Pendampingan Masyarakat (Community Outreach Programme), berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Utama Bumiputera Pekan Bangar, di sini.

Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali ketika berucap menjelaskan, pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah adalah satu cara yang amat berkesan dan kos efektif untuk mengukuhkan pengetahuan tentang bahaya dadah bagi segenap lapisan masyarakat.

Dalam pada itu katanya lagi, pendidikan sedemikian perlu dikemas kini dari semasa ke semasa untuk memenuhi perkembangan dan keperluan semasa di peringkat negara dan kebangsaan.

Antara yang diselitkan dalam program ini ialah ceramah khas bertajuk 'Peranan Masyarakat Dalam Menangani Penyalahgunaan Dadah', disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Ismail.

Ceramah beliau berkisar tentang kehidupan dalam bermasyarakat khususnya sebagai seorang Islam di mana Islam telah menggariskan umatnya mesti menjaga kesihatan termasuklah kesihatan dari segi akal

fikiran, jangan sampai menjadi mangsa atau dibelenggu dengan dadah.

Perkara yang paling dipentingkan, ujarnya adalah untuk kembali semula kepada ajaran Islam yang sebenar, iaitu kembali semula kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ceramah beliau juga menjelaskan tentang konsep tolong-menolong sesama masyarakat di mana setiap individu disaran agar tidak camah mata sebab Islam pun menggariskan panduan agar umatnya sentiasa bersilaturahmi.

"Di dalam silaturahmi itu kita ada menjaga hak orang lain, menjaga hak diri sendiri. Inilah kecantikan Islam yang bukan hanya menjaga diri sendiri, tetapi ia melingkupi ke seluruh ummah samalah seperti membasmi penyalahgunaan dadah ani bukan hanya tugas satu pihak, tetapi semua pihak bertanggungjawab," katanya.

Program anjuran BASMIDA dengan kerjasama Jabatan Daerah Temburong dan Kampung Menengah ini dihadiri oleh golongan belia di daerah ini serta ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Menengah.

Dengan tema 'Kesejahteraan Masyarakat Tanggungjawab Bersama', program bertujuan untuk memberikan pendidikan pencegahan dadah bagi semua golongan masyarakat tentang

ancaman risiko dan bahaya serta kesan penyalahgunaan dadah.

Selain itu, program juga adalah untuk mewujudkan kesedaran terhadap peranan setiap individu, ibu

bapa, penjaga, para belia mengenai ancaman penyalahgunaan dadah dan risiko-risikonya, di samping untuk memberikan pengetahuan tentang penyalahgunaan dadah.



PROGRAM Pendampingan Masyarakat di Dewan Serbaguna Kompleks Utama Bumiputera, Pekan Bangar dihadiri oleh para belia serta ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Menengah.

Laporan PPK terkini

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 April. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) telah menyediakan Laporan Perangkaan Pasaran Kerja (PPK) yang merangkumi anggaran bilangan terkini pencari kerja serta profil pengambilan baharu dalam pekerjaan.

Penunjuk pasaran tenaga kerja bagi Februari 2016 menunjukkan bahawa pengambilan baharu dalam pekerjaan, berasaskan pencarum baharu yang berdaftar di Tabung Amanah Pekerja (TAP) adalah seramai 495 orang, terdiri daripada 32 orang yang bekerja di sektor kerajaan dan 463 orang di sektor swasta.

Secara keseluruhan, jumlah pencarum yang baru berdaftar di TAP dari bulan Januari hingga Disember 2015 ialah seramai 6,800 orang manakala dari bulan Januari

hingga Februari 2016 ialah seramai 1,053 orang.

Manakala, seramai 118 orang baru mendaftar sebagai pencari kerja di Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN).

Sehingga bulan Februari 2016, bilangan pencari kerja di kalangan penduduk tempatan (rakyat Brunei dan penduduk tetap) yang berumur 18 hingga 59 tahun adalah seramai 10,446 orang.

Dalam hubungan ini, pihak kerajaan juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi meningkatkan penyertaan anak-anak tempatan di dalam pasaran kerja di negara ini khususnya di sektor swasta, melalui dua pendekatan.

Pendekatan pertama ialah meningkatkan tahap pengetahuan dan

kemahiran anak tempatan lepasan peringkat 'O' dan 'A' dengan memberikan biasiswa atau latihan seperti Skim Biasiswa Khas, Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional di Institusi Pengajian Swasta Dalam Negeri (BPTV), Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional bagi Program Energy Industry Competency Framework (BPTV-EICF), dan Skim Latihan dan Pekerjaan (SLP).

Manakala yang kedua ialah memberikan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan kepada anak tempatan melalui pengurangan kuota pengambilan pekerja-pekerja asing yang berkemahiran rendah.

Sebarang pertanyaan mengenai Perangkaan Pasaran Kerja (PPK) ini bolehlah dirujuk ke JPKE dengan menghubungi melalui talian +673 2230250 atau +673 2233344 (waktu pejabat) dan melalui e-mel info.statistics@jpke.gov.bn atau melayari laman sesawang www.depd.gov.bn.

Kempen kebersihan Blok C KUPU SB 15 April

Siaran Akhbar :
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 April. - Seramai 16 orang pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Tahun 1 bagi Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama Tahun 1 Sesi 2015 - 2016 akan terlibat dalam aktiviti membersihkan bangunan Blok C dan menanam bunga di kawasan Pusat Ilmu Teras KUPU SB.

Menurut Siaran Akhbar KUPU SB, melalui aktiviti akan dapat mengeratkan hubungan silaturahmi di antara pelajar-pelajar, di samping itu dapat memupuk semangat cintakan alam sekitar dan cintakan kebersihan.

Aktiviti itu akan diadakan pada 15 April, jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Tetamu kehormat pada aktiviti itu, Pensyarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Amirol bin Abdul Rahim.

Ia bertujuan untuk memelihara kebersihan bilik kuliah, di samping menjadikan kawasan persekitaran kolej sebagai kawasan yang cantik dan indah serta melaluinya akan dapat meningkatkan keceriaan kawasan KUPU SB untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi serta bermatlamatkan untuk memenuhi kewajipan sebagai seorang pemimpin serta melahirkan mahasiswa dan mahasiswi agar bersifat bertanggungjawab serta amanah, berjiwa disiplin terhadap kebersihan juga keindahan alam.

Warga asing didapati bersalah

Siaran Akhbar : Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 6 April. - Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan menjatuhkan hukuman terhadap Tan Hie Kiong, seorang warganegara Malaysia setelah didapati bersalah atas dua pertuduhan di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah (Penggag 131).

Hasil siasatan yang dijalankan oleh Biro Mencegah Rasuah (BMR) mendapati bahawa pada 10 September 2015, tertuduh dengan secara tidak jujur telah menawarkan \$3,000 (tiga ribu ringgit) kepada seorang Pegawai Kastam dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei yang bertugas di Pos Kawalan Kuala Lurah sebagai dorongan agar beliau tidak akan mengambil tindakan terhadap kesalahan yang dilakukan oleh tertuduh di bawah Perintah Eksais 2006 yang berhubung dengan pemilikan rokok yang tidak diisytihar cukai.

Tertuduh telah didapati bersalah di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.


Hasil dari siasatan BMR juga mendapati bahawa pada hari yang sama, 10 September 2015, tertuduh dengan secara tidak jujur telah menawarkan kepada seorang Pegawai Kastam dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei yang bertugas di Pos Kawalan Kuala Lurah sebagai dorongan untuk membantu tertuduh membuang rokok yang tidak diisytihar cukai supaya tiada tindakan akan diambil terhadap tertuduh.

Tertuduh telah didapati bersalah di bawah Bab 6(b) Akta Pencegahan Rasuah penggal 131.

Pada 6 April 2016, Majistret Ak. Shahzul Kairuddin bin Pg. Abdul Rahman telah menjatuhkan hukuman selama dua belas bulan (12) penjara bagi pertuduhan pertama dan dua belas bulan (12) untuk pertuduhan kedua.

Majistret juga mengarahkan supaya kedua-dua hukuman tersebut dijalankan serentak selama 12 bulan berkuat kuasa bermula pada 29 Mac 2016.

Kes yang melibatkan tertuduh itu disiasat oleh Biro Mencegah Rasuah. Pendakwaan kes tersebut dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Dayang Hajah Suraidah binti Haji Sidek.



PENUNJUK pasaran tenaga kerja bagi Februari 2016.



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI
www.recruitment.gov.bn

Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
